

**Kertas Bil. 28/2022**



---

**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM  
(PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC)**

**BERKAITAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN  
KUTIPAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM  
OLEH KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD  
(KDEBWM)**

---

## **KANDUNGAN**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	1
3	Penemuan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 Siri 2	2
4	Hasil Dapatan PAC Daripada Perbincangan Dua Hala Bersama KDEBWM Dan Kontraktor KDEBWM	14
5	Penemuan Jawatankuasa	16
6	Syor Jawatankuasa	17
7	Perakuan	18
8	Ahli-Ahli Jawatankuasa Urus setia	19

**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM OLEH KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD (KDEBWM)**

---

**1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 68(1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor 1965 berkenaan Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan (PAC) dan menurut Peraturan Tetap 76(1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2022.

Ahli-Ahli PAC bagi tahun 2022 terdiri daripada:

1)	Y.B. Datuk Rizam bin Ismail (ADN Kawasan Sungai Air Tawar)	Pengerusi
2)	Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (ADN Kawasan Bukit Lanjan)	Ahli
3)	Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (ADN Kawasan Hulu Kelang)	Ahli
4)	Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (ADN Kawasan Sungai Pelek)	Ahli
5)	Y.B. Puan Lim Yi Wei (ADN Kawasan Kampung Tunku)	Ahli
6)	Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (ADN Kawasan Kota Anggerik)	Ahli
7)	Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (ADN Kawasan Jeram)	Ahli

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. PAC telah membuat semakan dan penelitian ke atas Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2020 berkaitan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi serta Pengauditan Jabatan/Agensi Negeri Selangor. Agensi yang dipersetujui untuk disiasat ialah Majlis Perbandaran Klang (MPK).

2.2. PAC telah mengadakan satu sesi pendengaran tertutup mengenai maklum balas oleh MPK berkaitan pengurusan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam seperti yang telah dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Aktiviti Jabatan & Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor 2019 Siri 2 pada mesyuarat PAC Bil. 4/2022 bertarikh 9 Februari 2022 yang dihadiri oleh ahli-ahli PAC seperti berikut:

- 1) Y.B. Tuan Rizam bin Ismail  
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar)
- 2) Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping  
(ADN Kawasan Bukit Lanjan)
- 3) Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib  
(ADN Kawasan Hulu Kelang)
- 4) Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew  
(ADN Kawasan Sungai Pelek)
- 5) Y.B. Puan Lim Yi Wei  
(ADN Kawasan Kampung Tunku)
- 6) Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi  
(ADN Kawasan Kota Anggerik)

2.3. Hasil dapatan dan laporan ini dirumuskan daripada sesi pendengaran tertutup dan dialog bersemuka PAC bersama Jabatan Audit Negara Negeri Selangor (JANNS), Ahli Majlis MPK, KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM) dan kontraktor yang dilantik oleh KDEBWM. Kemudahan portal AG's Dashboard milik Ketua Audit Negara di laman sesawangnya turut dimanfaatkan PAC bagi memudahkan rujukan penyiasatan.

### **3. PENEMUAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2019 SIRI 2**

3.1 Berikut merupakan jadual bagi penemuan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) terhadap isu berstatus "dalam tindakan" oleh MPK di AG's Dashboard beserta maklum balas terkini MPK setakat 9 Februari 2022.

BIL	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS MPK
1.	<p><b>Prestasi Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam - Pencapaian Output - Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal</b></p> <p><b>5.1.1.a.</b> Kutipan sisa pepejal hendaklah dilakukan oleh KDEBWM mengikut kekerapan yang ditetapkan. Berdasarkan Perjanjian Pengurusan Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal dalam Jadual 4 perjanjian - Spesifikasi Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal, kekerapan kutipan sisa pepejal ditetapkan mengikut jenis premis seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.</p> <p>Semakan Audit mendapati MPK tidak mewujudkan mekanisme untuk membuat pemantauan secara menyeluruh bagi memastikan jadual kutipan yang ditetapkan dalam kontrak dipatuhi sepenuhnya oleh KDEBWM. MPK hanya memantau secara rawak melalui aplikasi <i>Whatsapp</i> kepada penyelia kawasan MPK dan bertindak balas terhadap aduan perkhidmatan kutipan sisa pepejal yang diterima daripada penduduk. Laporan kerja perkhidmatan kutipan sisa pepejal oleh KDEBWM melalui aplikasi <i>Whatsapp</i> ini tidak didokumenkan.</p> <p>Semakan Audit terhadap tuntutan bayaran kerja perkhidmatan kutipan sisa pepejal oleh KDEBWM mendapati MPK membuat</p>	<p><b>5.1.1.a.</b> Pihak Majlis membuat pemantauan di semua zon perkhidmatan. Walaubagaimanapun, pemantauan dibuat secara berjadual mengikut kawasan memandangkan setiap pemantau membuat pemantauan di kawasan yang luas kira-kira 20 KM<sup>2</sup> setiap orang menyebabkan pemantauan tidak dapat dilakukan di setiap kawasan secara terperinci untuk kerja kutipan sisa pepejal,pembersihan awam, parit dan in house. Selain itu, Pemantau juga mempunyai tugas-tugas hakiki yang lain seperti menghadiri lawatan tapak, dialog bersama penduduk, taklimat, menyiasat aduan dan perjumpaan dengan wakil-wakil masyarakat.</p> <p>Walaubagaimanapun, Pihak majlis telah membuat penambahbaikan dari segi pemantauan di lapangan iaitu bermula 9 September 2020 pemantau akan melakukan pemantauan berdasarkan setiap kawasan yang terlibat di kawasan pemantauan mereka mengikut skop dan spesifikasi yang telah ditetapkan kepada pihak KDEBWM seperti mencuci longkang, sapuan jalan, pemotongan rumput, kutipan sampah pukal dan kutipan sampah domestik. ( contoh jadual kerja lampiran 1)</p>

	<p>pemotongan ke atas tuntutan bayaran tersebut berdasarkan jumlah NTP dikeluarkan oleh MPK yang tidak dapat diselesaikan oleh KDEBWM dalam tempoh 24 jam seperti dalam kontrak. Bagaimanapun, NTP ini dikeluarkan berdasarkan kepada pemantauan rawak dan siasatan ke atas aduan yang diterima daripada penduduk kerana kegagalan KDEBWM menjalankan tanggungjawabnya untuk mengutip sisa pepejal di kawasan mereka. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, sebanyak 191 NTP dengan pemotongan bayaran berjumlah RM90,400 telah dikenakan kepada KDEBWM. Daripada jumlah itu, 116 (60.7%) NTP adalah bagi kesalahan kutipan tidak mengikut jadual/lewat dan telah dikenakan pemotongan bayaran berjumlah RM46,400. Ini diikuti dengan kegagalan membersih atau mengutip sampah di sekeliling tong sampah/kebuk sampah sebanyak 31 NTP (16.2%) dan telah dikenakan pemotongan bayaran berjumlah RM24,800. Butiran lanjut adalah seperti dalam Jadual 5.</p> <p>Kaedah pemotongan tuntutan bayaran berdasarkan NTP yang dikeluarkan tidak memberi gambaran sebenar terhadap perkhidmatan kutipan sisa pepejal yang telah diberikan secara keseluruhannya.</p>	<p>Pihak majlis telah membuat penambahbaikan terhadap sistem kiraan prestasi KDEBWM yang mana telah dibincangkan bersama-sama pihak KDEBWM dan semua Ahli Majlis pada 4 Ogos 2021. Kertas cadangan terhadap perkara ini akan dibentangkan untuk kelulusan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kebersihan dan Pengindahan Bandar Bil 8. Tahun 2021 pada 02 September 2021 telah diluluskan dan digunakan minit mesyuarat kelulusan dan contoh kaedah kiraan prestasi KDEBWM yang diluluskan adalah seperti di Lampiran 2.</p>
--	---	--

	<p><b>Prestasi Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam - Pencapaian Output - Perkhidmatan Pembersihan Awam</b></p> <p>5.1.1. b. Perjanjian Pengurusan Perkhidmatan Pembersihan Awam dalam Jadual Ketiga menetapkan kekerapan kerja pembersihan awam mengikut skop kerja yang perlu dipatuhi oleh KDEBWM adalah seperti dalam Jadual 6.</p> <p>Semakan Audit mendapati MPK tidak mewujudkan mekanisme untuk membuat pemantauan secara menyeluruh bagi memastikan jadual perkhidmatan pembersihan awam yang ditetapkan dalam kontrak telah dipatuhi sepenuhnya oleh KDEBWM. MPK hanya memantau secara rawak melalui aplikasi <i>Whatsapp</i> kepada penyelia kawasan MPK dan bertindak balas terhadap aduan kerja perkhidmatan pembersihan awam yang tidak sempurna daripada penduduk. Laporan kerja perkhidmatan pembersihan awam oleh KDEBWM melalui aplikasi <i>Whatsapp</i> ini tidak didokumenkan.</p> <p>Pihak Audit mendapati terdapat pemotongan bayaran dibuat ke atas tuntutan bayaran perkhidmatan pembersihan awam berdasarkan NTP dikeluarkan oleh MPK yang tidak dapat diselesaikan oleh KDEBWM dalam tempoh 24 jam seperti yang ditetapkan perjanjian. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, sebanyak 10,173 NTP telah dikeluarkan dengan RM1.02 juta pemotongan bayaran. Analisis Audit secara persampelan terhadap 517</p>	<p>5.1.1. b. Prestasi KDEBWM dinilai secara baik memandangkan pihak KDEBWM telah menjalankan skop dan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa spesifikasi kerja yang memerlukan kajian semula seperti spesifikasi kerja kutipan sisa Kebun, Pukal dan Haram dimana jumlah kekerapan kutipan perlu ditingkatkan memandangkan jumlah penjanaan sampah yang tinggi yang mana pihak KDEBWM waste telah memenuhi pusingan yang telah ditetapkan berdasarkan jumlah tipping ke tapak pelupusan yang melebihi syarat minimum iaitu 24 resit untuk satu zon. Selain itu, pihak Majlis juga telah menyediakan skala penilaian terhadap KDEBWM yang mana kiraan prestasi KDEBWM akan menggunakan kaedah baru yang lebih sesuai yang dapat menggambarkan situasi sebenar keadaan di lapangan dimana kiraan melibatkan skala jumlah NTP, jumlah notis amaran dikeluarkan dan aduan yang diterima.</p> <p>Pihak majlis telah membuat penambahbaikan dari segi pemantauan di lapangan iaitu bermula 9 September 2020 pemantau akan melakukan pemantauan berdasarkan setiap kawasan yang terlibat di kawasan pemantauan mereka mengikut skop dan spesifikasi yang telah ditetapkan kepada pihak KDEBWM Waste seperti mencuci longkang, sapuan jalan, pemotongan rumput, kutipan sampah pukal dan kutipan sampah domestik. ( contoh jadual kerja lampiran</p>
--	--	---

	<p>(5.1%) daripada 10,173 NTP yang dikeluarkan mendapati jenis kesalahan NTP yang tertinggi bagi pembersihan awam ialah longkang tidak dicuci mengikut jadual, iaitu sebanyak 239 NTP (46%), sampah KPH tidak dikutip mengikut jadual sebanyak 97 NTP (19%) dan rumput tidak dipotong mengikut jadual sebanyak 93 NTP (18%) seperti dalam Jadual 7 dan Carta 1. Butiran lanjut adalah seperti dalam Carta 1.</p>	
	<p><b>Pencapaian Keberhasilan - Keselesaan Penduduk</b></p> <p><b>5.1.2.</b> a. i. Kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam dilaksanakan bagi menjamin keselesaan orang ramai di kawasan pentadbiran MPK. Pihak Audit mendapati kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam telah disediakan tetapi telah dilaksanakan dengan kurang berkesan. Kerja ini telah dilaksanakan dengan tidak mematuhi spesifikasi kontrak yang ditetapkan dengan sempurna menyebabkan ketidakselesaan kepada penduduk.</p> <p>ii. Pemeriksaan Audit telah dijalankan pada bulan Januari, Februari, Julai dan Ogos 2020 di 18 zon kutipan sisa pepejal dan 26 zon pembersihan awam. Pihak Audit mendapati kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam di lima zon yang dilawati tidak mengikut spesifikasi kontrak seperti sampah di sekeliling tong sampah tidak dibersihkan, sampah KPH tidak dikutip dan longkang tidak dibersihkan seperti dalam Gambar 1</p>	<p>Strategi Peningkatan Kebersihan Bagi Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Majlis Perbandaran Klang 2021/22</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyusun semula unit-unit dalaman majlis yang melibatkan pengurusan sisa pepejal.</li> <li>2. Menubuhkan unit-unit baru bagi tujuan memfokus pelan pelaksanaan dan strategi bagi membanteras sampah longgok haram.</li> <li>3. Unit Promosi &amp; Kesedaran.</li> <li>4. Unit 'Smart Squad'</li> <li>5. Unit Kitar Semula</li> <li>6. Meningkatkan kompetensi kakitangan dengan memberi latihan dan pendedahan kepada pemantau dalaman majlis (bukan penguatkuasa) bagi menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan di tapak.</li> <li>7. Memperkasa proses penyelesaian aduan di tapak tanpa menjelaskan kerja rutin kontraktor dan In-House dalam tempoh 24 jam.</li> <li>8. Mengadakan mesyuarat dan perjumpaan bersama kontraktor (KDEBWM) dan Ahli Majlis secara berkala (dua bulan sekali), membincangkan permasalahan dan cara penyelesaian dan bukannya pembentangan kerja rutin di samping perbincangan meningkatkan penglibatan</li> </ol>

	<p>hingga Gambar 8.</p> <p>iii. Longgokan sampah dan keadaan longkang yang tidak terurus ini sangat mengganggu keselesaan penduduk. Ini jelas digambarkan dengan maklum balas responden dalam borang soal selidik tahap keselesaan yang diedarkan kepada mereka semasa lawatan/pemeriksaan Audit ke kawasan mereka. Hanya 29% responden menyatakan mereka selesa tinggal di kawasan mereka seperti dalam Carta 2.</p> <p>iv. Longgokan sampah dan keadaan longkang yang tidak terurus ini bukan sahaja mengganggu keselesaan penduduk malah ia turut menyumbang kepada peningkatan penyakit berjangkit seperti dalam Jadual 8.</p>	<p>orang awam dan Ahli Majlis bersama pihak jabatan bagi memberi impak yang positif.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>9. Memperkasa kaedah pelaporan prestasi kontraktor iaitu menambahbaik sistem pengiraan demeri Pengiraan semula prestasi KDEBWM yang menggunakan Sistem Demerit dipinda daripada berfasa (7 fasa) kepada prestasi zoning semula (68 zon) bagi kerja-kerja pembersihan awam dan pengurusan sisa pepejal, dengan mengambil kira bilangan Notis Pemotongan Tuntutan (NTP), bilangan aduan dan tempoh masa penyelesaian aduan.</li> <li>10. Menyenaraikan semula inventori kawasan pembersihan parit dan longkang antara pihak KDEBWM, JKR, JPS dan MPK. ‘Out-Sources’ pembersihan ke atas parit-parit yang melebihi 5 kaki yang tidak termasuk dalam kontrak penyelenggaraan KDEBWM terutama sekali untuk parit-parit pembangunan.</li> </ol> <h4>KERJASAMA PENDUDUK DAN KOMUNITI</h4> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan penglibatan orang awam dalam membantu menjayakan kebersihan alam sekeliling dengan menubuhkan pasukan ‘Rakan MPK/ Squad Green Volunteers’ (SGV). Seramai 120 orang anggota SGV di seluruh Klang bermula 2021 yang menjadi mata dan telinga kepada pihak majlis merangkumi 25 kawasan zon Ahli Majlis. Ada insentif yang diberikan sekiranya maklumat yang diberikan berjaya menyita kendaraan terbabit</li> <li>2. Program dialog dan gotong-royong peringkat persatuan penduduk dan MPKK diperingkatkan. Program Townhall bersama penduduk Klang memperkatakan berkenaan pengurusan sisa pepejal di Klang telah dijalankan</li> </ol>
--	--	--

	<p>pada 29 Oktober 2021 di Dewan Hamzah.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>3. Program kesedaran kepada penduduk dan peniaga dalam pengurusan sisa pepejal.</li> </ol> <p><b>INFRASTRUKTUR DAN PERALATAN</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membekal Tong Sampah Komunal 1500L (LB) terutama sekali di kawasan kampung dan strata dengan mencukupi bagi mengelakkan sampah bertaburan dan mengurangkan sampah longgok haram.</li> <li>2. Penggunaan peralatan dan mesin yang sesuai di bahagian unit saliran dan In-House jabatan bagi memberikan kesan impak yang baik terhadap kerja pembersihan yang dijalankan.</li> <li>3. Membina Pusat Kitar Semula Klang dengan menaiktaraf rumah sampah sediada yang tidak digunakan. Konsep '<i>Drop In Waste</i>' diperkenalkan bagi memberi pendedahan dan kesedaran komuniti setempat betapa pentingnya kitar semula.</li> <li>4. Pembinaan 'slab' atau tapak sampah di kawasan perumahan kampung bagi menjadikan tapak tersebut sebagai tapak rasmi pengumpulan sampah domestik berpusat.</li> </ol> <p><b>PROGRAM DAN KEMPEN</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengadakan bahan-bahan kempen seperti brosur, <i>sinage</i> dan <i>banner</i> bagi memberikan kesedaran dan sikap orang ramai</li> <li>2. Pembersihan kawasan-kawasan pengumpulan sampah gelandangan.</li> <li>3. Membuat operasi "Sifar Sampah Longgok" di beberapa kawasan 'Hot Spots' sampah longgok di zon-zon yang dikenalpasti terutamanya di jalan-jalan laluan utama dan laluan orang ramai –</li> </ol>
--	---

	<p>Program TtC (Tour to Clean) Bersih-Basuh-Basmi.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>4. Mengadakan pertandingan Kebersihan dan Keceriaan taman perumahan peringkat zon.</li> <li>5. Mengadakan pertandingan Pengumpulan Barang Kitar Semula peringkat zon.</li> <li>6. Mengadakan pertandingan zon bersih di kalangan sub kontraktor KDEBWM untuk kategori zon penyelenggaraan terbaik peringkat majlis.</li> </ol> <p><b>DASAR-DASAR DAN PENGUATKUASAAN</b></p> <p>Melaksanakan dasar-dasar:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dasar tiada tong komunal di tepi jalan kawasan perniagaan.</li> <li>2. Dasar perletakkan tong sampah 120/240L dikawasan rumah strata perniagaan (depan tangga naik).</li> <li>3. Dasar penggunaan khidmat syarikat pengurusan sisa pepejal swasta (panel majlis) untuk kawalan pengurusan sisa-sisa kilang</li> <li>4. Dasar baru bagi kawasan pembangunan baru mengikut keperluan teknikal berkenaan pengurusan sisa pepejal.</li> <li>5. Dasar penyusunan semula Tong Recycle NGO sedia ada dan perletakan tong ‘Recycle’ yang bakal diadakan di seluruh kawasan pentadbiran Klang bagi memastikan pengurusan penyelenggaraan tong ini terkawal dan sentiasa bersih.</li> <li>6. Penguatkuasaan syarat-syarat lesen perniagaan (kilang/premis perniagaan/barang/lusuh/penjaja/ pasar malam).</li> <li>7. Penguatkuasaan tong sampah MGB 240L di setiap kedai kawasan komersial dan tong MGB 120L bagi kawasan perumahan teres yang tiada kebuk sampah.</li> </ol> <p>Merujuk Gambar 1 lokasi sebenar adalah di Jalan Sri Sarawak 14, Taman Sri Andalas.</p>
--	--

	<p>Kutipan sampah domestik telah dikutip (rujuk gambar tong yang tiada sampah) namun terdapat sisa pukal yang belum dikutip di kawasan sekeliling tong sampah tersebut. Sisa pukal tersebut adalah sisa yang baru dibuang dan menunggu jadual seterusnya. Kutipan adakah setiap hari dan perlu di diselesaikan sebelum jam 12 tengahari. Pemeriksaan pada bulan Jun, Julai dan Oktober 2020 mendapati pihak KDEBWM telah membuat kutipan di kawasan berkenaan (rujuk lampiran 3a).</p> <p>Merujuk gambar 2, laporan tindakan bagi kerja-kerja pembersihan di Pangaspuri Suria Pendamar adalah setiap hari. Lampiran 3b adalah laporan pembersihan yang dijalankan pada 11 dan 12 Februari 2020, 13 Oktober 2020 dan 19 Jun 2020.</p> <p>Gambar 3 menunjukkan sisa pukal di kawasan Pangaspuri Pendamar A yang tidak dibuang di rumah sampah yang disediakan. Pemeriksaan pada Jun dan Julai 2020, kerja-kerja pembersihan telah dijalankan oleh pihak KDEBWM (gambar seperti di Lampiran 3c).</p> <p>Berdasarkan Gambar 4 iaitu masalah sampah pukal di Jalan Dato Dagang 31, Taman Sentosa. Masalah sampah di kawasan ini adalah disebabkan sampah pukal daripada aktiviti perniagaan dan penghuni di rumah kedai berdekatan yang kerap membuang sampah mereka. Pihak KDEBWM telah menjalankan kutipan di kawasan tersebut namun jumlah penjanaan sampah yang tinggi dan sangat kerap menyebabkan sukar untuk diselesaikan. Pihak Majlis sentiasa membuat pemantauan kawasan ini dan untuk rekod kawasan ini kerap dikeluarkan NTP iaitu sebanyak 8 NTP telah dikeluarkan dari tahun 2019. Pemeriksaan pada April, Mei dan Ogos 2020 mendapati kerja-kerja pembersihan telah dijalankan oleh pihak KDEBWM (rujuk lampiran 3d).</p>
--	---

	<p>Gambar 5 merujuk sampah domestik yang dibuang merata-rata oleh penduduk Pangsapuri Pendamar Indah B. Hasil pemantauan jabatan juga penduduk di kawasan ini majoriti terdiri daripada bukan warganegara. Mereka sering membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya dan kerap membuang sampah dari tingkat atas bangunan menyebabkan sampah berada di merata-rata tempat. Pemeriksaan dijalankan mendapati pada April dan September 2020 kerja-kerja pembersihan telah dijalankan oleh pihak KDEBWM (rujuk lampiran 3e).</p> <p>Merujuk kepada isu sampah di Pangsapuri Pendamar Indah A dan B, dan Suria Pendamar, Pelabuhan Klang (gambar 2,3 dan 5). Masalah sampah di kawasan ini adalah berpunca daripada kebanjiran warga asing yang tinggal di pangsapuri tersebut yang membuang sampah merata-rata menyebabkan kesukaran untuk kerja-kerja pembersihan dilakukan. Walaubagaimanapun pihak majlis bersama pihak KDEBWM bersama-sama membersihkan sampah yang telah dibuang namun perkara ini kerap berulang. Tindakan pemantauan penguatkuasaan telah kerap dilakukan di kawasan ini namun sukar untuk menangkap mereka yang melakukan kesalahan ini. Pihak jabatan juga telah menjalankan program ‘ketuk pintu’ supaya penduduk pangsapuri terutama warga asing bersama-sama menjalankan gotong-royong membersihkan sampah yang telah dibuang merata-rata. Selain itu, pengurusan bangunan atau JMB dikawasan ini juga tidak berupaya menjaga persekitaran mereka daripada dijadikan tempat pembuangan sampah.</p> <p>Gambar 6 menunjukkan sisa longkang yang tidak dicuci di Lorong Tingkat. Kawasan ini tidak diserahkan kepada KDEBWM memandangkan ianya sebahagian kawasan pusat bandar Klang Selatan namun bermula 1 Oktober 2020 pihak majlis telah menyerahkan</p>
--	--

	<p>keseluruhan kawasan ini kepada KDEBWM bagi tujuan penyelenggaraan. Pemeriksaan pada Jun 2020 mendapati kerja-kerja pembersihan sedang dilakukan oleh unit dalaman majlis. (rujuk lampiran 3f)</p> <p>Gambar 7 hingga 21 menunjukkan longkang yang tidak dicuci. Pemeriksaan sepanjang bulan September 2020 mendapati kawasan tersebut telah dibersihkan oleh pihak KDEBWM (rujuk lampiran 1h). Keadaan ini berlaku kerana kawasan-kawasan tersebut belum tiba waktu jadual penyelenggaraan. Kekerapan adalah sebulan dua kali bagi cucian longkang. Selain itu, pada bulan Ogos dan September adalah musim tengkujuh dimana taburan hujan yang tinggi di Klang menyebabkan kotoran seperti pasir dan sampah-sampah kecil masuk ke dalam longkang seterusnya sampah-sampah ini dihanyutkan hingga ke hujung dan menyebabkan ianya berlonggok. Bagi penambahbaikan, pihak majlis akan meningkatkan pemantauan di kawasan-kawasan terlibat. (Gambar pembersihan telah dilakukan seperti di lampiran 3g).</p> <p>Notis tindakan pembetulan (NTP) juga telah dikeluarkan di lokasi-lokasi tersebut. Salinan seperti di Lampiran 3h.</p>
	<p><b>PENGURUSAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM - PENILAIAN PRESTASI KDEBWM</b></p> <p><b>5.2.5. a.</b> Berdasarkan Klausula 15.1.1(d) Perjanjian Pengurusan Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal, MPK boleh menamatkan perjanjian sekiranya KDEBWM mendapat nilai prestasi kurang daripada 75%. Selain itu, bagi Pengurusan Perkhidmatan Pembersihan Awam, Klausula 17.1.1(d) Perjanjian</p> <p>Sistem pemarkahan atau penilaian prestasi bagi pengurusan sisa pepejal adalah merujuk kepada garis panduan pengurusan kutipan sisa pepejal domestik oleh Kerajaan Negeri Selangor.</p> <p>Kertas cadangan terhadap kaedah pengiraan dan penilaian prestasi KDEBWM bagi Pembersihan Awam telah dibentangkan untuk</p>

	<p>Pengurusan Perkhidmatan Pembersihan Awam menyatakan sekiranya nilai prestasi kurang dari 85% bagi dua bulan berturut-turut dalam tempoh enam bulan, perjanjian boleh ditamatkan.</p> <p>b. Bagi pengiraan markah prestasi KDEBWM, Jadual 3 Perjanjian Pengurusan Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal menetapkan pemotongan markah akan dibuat berdasarkan kategori kesalahan yang dilakukan. Kategori kesalahan dipecahkan kepada empat, iaitu kecil, sederhana, berat dan sangat berat. Kategori kecil akan dipotong sebanyak 1%, sederhana akan dipotong 2%, berat akan dipotong 4% dan sangat berat akan dipotong 8% bagi setiap kesalahan.</p> <p>c. Jadual Kelima A Perjanjian Pengurusan Perkhidmatan Pembersihan Awam menetapkan pemotongan markah adalah berdasarkan kategori kesalahan yang dilakukan. Aduan yang diterima dan dianggap benar oleh KDEBWM akan dipotong sebanyak 0.05% bagi setiap kesalahan. Bagi setiap NTP yang diterima, KDEBWM akan dikenakan pemotongan sebanyak 0.05%, setiap Notis Denda Ketidakakuruan (NDK) yang diterima akan dipotong 0.2% dan setiap Notis Tindakan Sokongan (NTS) yang diterima akan dipotong 0.5%. Skala prestasi yang ditetapkan untuk mengukur prestasi pencapaian KDEBWM bagi pengurusan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan perkhidmatan pembersihan awam adalah seperti dalam Jadual 12.</p>	<p>kelulusan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kebersihan dan Pengindahan Bandar Bil 8. Tahun 2021 pada 02 September 2021 telah diluluskan dan telah digunakan.</p> <p>Bagi sistem pemarkahan prestasi telah ditambahbaik seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Perkara</th><th>Peratus (pemberat) bagi setiap kesalahan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Aduan diterima (benar)</td><td>1 % (berubah dari 0.05%)</td></tr> <tr> <td>Notice to correct (NTP)</td><td>1 % (berubah dari 0.05%)</td></tr> <tr> <td>Denda Ketidakakuruan</td><td>2 % (berubah dari 0.2%)</td></tr> <tr> <td>Back-up setiap ketidakakuruan</td><td>5 % (berubah dari 0.5%)</td></tr> </tbody> </table> <p>Minit mesyuarat kelulusan dan contoh kaedah kiraan prestasi KDEBWM yang diluluskan adalah seperti di Lampiran 2</p>	Perkara	Peratus (pemberat) bagi setiap kesalahan	Aduan diterima (benar)	1 % (berubah dari 0.05%)	Notice to correct (NTP)	1 % (berubah dari 0.05%)	Denda Ketidakakuruan	2 % (berubah dari 0.2%)	Back-up setiap ketidakakuruan	5 % (berubah dari 0.5%)
Perkara	Peratus (pemberat) bagi setiap kesalahan											
Aduan diterima (benar)	1 % (berubah dari 0.05%)											
Notice to correct (NTP)	1 % (berubah dari 0.05%)											
Denda Ketidakakuruan	2 % (berubah dari 0.2%)											
Back-up setiap ketidakakuruan	5 % (berubah dari 0.5%)											

	d. Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Kontraktor mendapati purata markah prestasi KDEBWM bagi pengurusan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pengurusan perkhidmatan pembersihan awam untuk tempoh empat tahun adalah pada skala baik, iaitu masing-masing 90.6% dan 96.9%. Butirannya adalah seperti dalam Jadual 13. Namun begitu, pihak Audit mendapati peratusan markah yang dipotong bagi pengurusan perkhidmatan pembersihan awam adalah terlalu rendah. Sebagai contoh, bagi setiap NTP yang dikeluarkan kepada KDEBWM, pemotongan markah hanya pada kadar 0.05%. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, sebanyak 10,173 NTP bagi pembersihan awam telah dikeluarkan di mana secara purata, sebanyak 200 NTP dikeluarkan setiap bulan. Bagaimanapun, markah prestasi KDEBWM bagi pembersihan awam masih mencapai tahap baik, iaitu melebihi 96% walaupun selepas mengambil kira pemotongan NTP tersebut.
--	---

#### **4 HASIL DAPATAN PAC DARIPADA PERBINCANGAN DUA HALA BERSAMA KDEBWM DAN KONTRAKTOR KDEBWM**

4.1 PAC mengambil maklum maklumat yang dibentangkan oleh KDEBWM dan kontraktor KDEBWM adalah seperti berikut:

- 4.1.1 Latar belakang penubuhan, fungsi dan pengoperasian pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam KDEBWM.
- 4.1.2 KDEBWM memaklumkan bahawa adalah tidak adil sekiranya prestasi KDEBWM dinilai berdasarkan jumlah NTP yang dikeluarkan. Ini adalah kerana jumlah NTP yang dibangkitkan dalam penemuan LKAN siri 2 Tahun 2019 adalah diambil kira dari tahun

2017 hingga 2021 serta jumlah keseluruhan kawasan/zon di MPK yang mana jika dibahagikan mengikut kawasan/zon, jumlah NTP yang dikeluarkan hanyalah lebih kurang 1.5 NTP sebulan bagi setiap kawasan/zon.

- 4.1.3 Konsep yang diperkenalkan oleh KDEBWM adalah tujuh tahun dan pembelian kompaktor/lori adalah secara pinjaman daripada Kerajaan Negeri dan Institusi Kewangan Swasta. Tempoh pinjaman adalah selama tujuh tahun namun KDEBWM menetapkan tempoh penyelesaian awal pinjaman iaitu lima tahun.
- 4.1.4 Konsep sewa-beli kepada kontraktor yang dilantik supaya mereka dapat memiliki kompaktor/lori sendiri untuk meneruskan kelangsungan hidup walaupun kontrak dengan KDEBWM telah tamat. Setelah selesai pembayaran pinjaman sewa-beli ini secara puratanya, kontraktor akan memperolehi penambahan pendapatan sebanyak RM7,500.00/sebulan menjadikan jumlah pendapatan keseluruhan adalah RM13,500.00/sebulan berbanding RM6,000.00/sebulan selama lima tahun sebelumnya.
- 4.1.5 PAC juga mengambil maklum bahawa kerja-kerja pembersihan taman, lanskap, longkang monsun dan longkang taman bukanlah kesemuanya di bawah tanggungjawab KDEBWM. Sebahagiannya adalah tanggungjawab kontraktor yang dilantik oleh PBT sendiri. Skop kerja KDEBWM mengikut PBT setakat Januari 2022 adalah seperti di Lampiran A.
- 4.1.6 PAC mengambil maklum bahawa antara kekangan yang dihadapi oleh KDEBWM untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik ialah peningkatan kawasan perumahan/pendudukan warga asing yang mendadak. Ini menyebabkan berlakunya lebihan jumlah sampah yang perlu dikutip berbanding nilai yang terkandung di dalam kontrak sedia ada dengan PBT.
- 4.1.7 Kadar bayaran yang diterima oleh KDEBWM sekarang adalah agak rendah dan perkara ini mengekang KDEBWM daripada memperuntukkan lebih ramai pekerja bagi tujuan pembersihan awam.
- 4.1.8 PAC mengambil maklum bahawa kontraktor berhadapan dengan masalah pembuangan sampah yang berulang pada hari yang sama. Teguran dan surat amaran telah diberikan kepada penduduk yang kebanyakannya warga asing yang tidak memberi kerjasama. Masalah ini kerap berlaku di pangaspuri di kawasan Setia Alam walaupun telah diberi surat amaran.

4.1.9 PAC juga mengambil maklum bahawa kontraktor di kawasan Sentosa telah diugut supaya memberi wang perlindungan sekiranya ingin membuat kutipan sampah di kawasan tersebut. Selain dari itu, penduduk di kawasan tersebut juga kerap membuang sampah di luar tong sampah yang disediakan.

## 5. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 5.1 PAC mendapati tindakan-tindakan wajar telah diambil oleh MPK dan KDEBWM namun masih terdapat kelemahan yang perlu ditambahbaik oleh kedua-dua pihak supaya sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah ditahap yang baik dan terancang.
- 5.2 PAC berpandangan sistem pemilikan kompaktor/lori yang ditawarkan kepada pihak kontraktor yang diamalkan oleh KDEBWM sekarang tidak sesuai dan sepatutnya KDEBWM memastikan kontraktor menyediakan sendiri kompaktor/lori. Ini adalah untuk mengelakkan KDEBWM dari membuat pinjaman dan menanggung kos operasi yang tinggi.
- 5.3 PAC juga mendapati tempoh kontrak (tujuh tahun) yang ditawarkan kepada kontraktor adalah terlalu panjang.
- 5.4 PAC mendapati KDEBWM tidak sepatutnya meletakkan tanggungjawab kepada pihak kontraktor yang dilantik untuk membuat teguran serta amaran kepada pemilik premis yang membuang sampah tidak di tempat yang disediakan. Pihak kontraktor sepatutnya membuat aduan kepada KDEBWM supaya satu notis amaran dapat dikeluarkan oleh KDEBWM. Dengan cara ini KDEBWM boleh membuktikan kepada pihak MPK bahawa terdapat masalah di kawasan-kawasan tertentu yang perlu diatasi bersama terlebih dahulu sebelum NTP dikeluarkan.
- 5.5 PAC mendapati pihak MPK dan KDEBWM perlu mengadakan perbincangan bersama secara berjadual untuk mencari jalan penyelesaian yang lebih komprehensif terhadap masalah lebihan pembuangan sisa pepejal ini. Dalam hal ini MPK perlu memberikan senarai taman perumahan/penempatan baru yang menggambarkan anggaran kutipan sampah yang sebenar dan seterusnya menambahbaik kontrak sedia ada.
- 5.6 PAC mendapati senario ini bukan sahaja berlaku di MPK malah juga di PBT-PBT lain.

## **6. SYOR JAWATANKUASA**

- 6.1 PAC menyarankan agar KDEBWM perlu memastikan pihak kontraktor yang bakal ditawarkan sepatutnya diberi pilihan sama ada ingin menggunakan pakai kompaktor/lori sendiri yang mana ianya hendaklah mengikut spek yang telah ditetapkan oleh KDEBWM dan PBT atau menggunakan pakai kompaktor/lori yang disediakan oleh KDEBWM. Selain itu, jumlah lori yang perlu disediakan hendaklah mengikut luas kawasan dan jumlah kutipan di sebuah kawasan.
- 6.2 PAC menyarankan agar KDEBWM mengkaji semula tempoh kontrak yang ditawarkan supaya tempoh kontrak yang ditawarkan tidak terlalu panjang. PAC menyarankan tempoh kontrak selama 2 + 1 tahun supaya sekiranya berlaku peningkatan kos dan/atau prestasi kerja yang tidak mencapai indeks petunjuk prestasi (KPI), pihak KDEBWM dapat membuat terma kontrak yang baharu dengan membuka tender semula.
- 6.3 PAC menyarankan agar KDEBWM dan MPK memainkan peranan masing-masing untuk membuat teguran dan amaran seterusnya notis berperingkat. Dengan cara ini KDEBWM boleh membuktikan kepada pihak MPK bahawa terdapat masalah di kawasan-kawasan tertentu yang perlu diatasi bersama terlebih dahulu sebelum NTP dikeluarkan.
- 6.4 Selain dari meletakkan tanggungjawab untuk mengutip pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada pihak KDEBWM, PAC menyarankan program kesedaran kepada penduduk perlu dipelbagaikan dan diperbanyak supaya dapat mendidik penduduk serta dalam masa yang sama dapat mewujudkan kerjasama untuk menjaga kebersihan alam sekitar.
- 6.5 PAC menyarankan agar KDEBWM perlu mengadakan perbincangan berkala bersama PBT dan Ahli Majlis berhubung isu-isu kutipan sampah. Ahli majlis juga perlu lebih kerap mengadakan perbincangan dengan persatuan penduduk di setiap taman untuk memaklumkan dan menekankan fakta bahawa kutipan sampah akan dibuat pada waktu-waktu tertentu sahaja dan penduduk tidak seharusnya mengharapkan KDEBWM untuk membuat kutipan sampah secara berulang di luar jadual yang ditetapkan.
- 6.6 PAC menyarankan agar MPK mengemaskini senarai taman perumahan/penempatan baru yang menggambarkan anggaran kutipan sampah yang sebenar dan seterusnya menambahbaik kontrak sedia ada dengan KDEBWM. PBT-PBT lain juga disaran untuk mengambil langkah yang sama.

- 6.7 PAC menyarankan Kerajaan Negeri mengkaji semula kadar bayaran yang ditawarkan kepada KDEBWM khususnya bagi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam agar KDEBWM dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan memuaskan kepada penduduk Selangor. Perkara ini wajar dilakukan dengan segera memandangkan penetapan gaji minima sebanyak RM1500 akan meninggikan lagi kos operasi kontraktor.
- 6.8 KDEBWM disarankan mengemukakan bukti untuk menyokong tuntutan kenaikan bayaran pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.
- 6.9 PAC menyarankan PBT menguatkuasakan penyediaan dan pengurusan tong sampah yang mencukupi di premis-premis perniagaan oleh peniaga-peniaga supaya sampah yang dibuang tidak diganggu kacau oleh binatang liar dan berserakan.
- 6.10 MPK dan PBT-PBT lain perlu melaksanakan pemantauan yang lebih komprehensif dan berstruktur terhadap prestasi kutipan sampah dan pembersihan awam di kawasan masing-masing tanpa bergantung kepada aduan penduduk semata-mata.

## 7. PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (*Public Account Committee - PAC*). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (*Public Account Committee - PAC*) dalam mesyuarat PAC Bil. 9/2022 pada 15 Jun 2022.

Disahkan oleh:

.....  
**Y.B. DATUK RIZAM BIN ISMAIL**  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam  
(*Public Account Committee - PAC*)  
Dewan Negeri Selangor Keempat Belas Tahun 2021

## **AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (*Public Account Committee - PAC*):

- |   |           |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Datuk Rizam bin Ismail<br>(ADN Kawasan Sungai Air Tawar)    | Pengerusi |
| 2. Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping<br>(ADN Kawasan Bukit Lanjan) | Ahli      |
| 3. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang)     | Ahli      |
| 4. Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew<br>(ADN Kawasan Sungai Pelek)    | Ahli      |
| 5. Y.B. Puan Lim Yi Wei<br>(ADN Kawasan Kampung Tunku)              | Ahli      |
| 6. Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli<br>(ADN Kawasan Jeram)            | Ahli      |
| 7. Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi<br>(ADN Kawasan Kota Anggerik)  | Ahli      |

## **URUS SETIA**

- i) Puan Gayathri A/P Jaya Kumar  
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Muhajirih bin Ahmad  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Nurul Liana Bt Musa  
Pembantu Tadbir (Dewan)
- iv) Puan Salmiah Binti Hamdan  
Penyelidik Kanan Pejabat Speaker
- v) Cik Cheah Sheue Chyi  
Penyelidik Pejabat Speaker
- vi) Encik Mohammad Aliff Asyraf bin Mohd Azhari  
Pegawai Khas Ketua Pembangkang

**Wakil Jabatan Audit Negara Negeri Selangor**

1. YBrs. Puan Zirawati binti Kadir  
Pengarah
2. YBrs. Dr. Mohamad Fauzi bin Mohamad Saruman  
Timbalan Pengarah
3. Encik Imran Syahrin bin Ibrahim  
Penolong Pengarah Audit

**Wakil Majlis Perbandaran Klang (MPK)**

1. Puan Hajah Noraini binti Roslan  
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang
2. Encik Zaireezal bin Ahmad Zainuddin  
Pengarah Jabatan Perkhidmatan Persekutaran

**Wakil KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM)**

1. Tuan Hj Ramli Mohd Tahir  
Pengarah Urusan
2. Tuan Ahmad Rizal Mohd Daud  
Pengurus Besar Perkhidmatan Korporat
3. Tuan Mohd Idris bin Mohd Yusof  
Pengurus Besar Operasi

**Wakil Ahli Majlis (MPK)/Ketua Whip**

1. Encik Abdul Razak bin Abdul Rashid  
Ahli Majlis Zon N42B
2. Encik Yew Boon Lye  
Ahli Majlis Zon N46A
3. Encik Nalan A/L M.Muniandy @ Balan  
Ahli Majlis N47A

**Wakil Tetuan Alif Raudhah Enterprise (Kontraktor)**

1. Encik Dzulhelmi bin Amirul  
Penyelia
2. Encik Aiman Firdaus Tan  
Penyelia
3. Encik Mohd Affendi  
Penyelia

**Wakil Tetuan NH Khaizar Enterprise (Kontraktor)**

1. Encik Norfaizal  
Pengurus

**Wakil Tetuan Zainab Enterprise Sdn Bhd (Kontraktor)**

1. Puan Zainab binti Abdul Aziz  
Pengurus
2. Tuan Loganathan A/L Sabapathy  
Pegawai Operasi
3. Puan Zanariah binti Kassim  
Pembantu Tadbir



Date as at : 7th January 2022

KUTIPAN DOMESTIK		SKOP KERJA YANG TIDAK DISERAHKAN KEPADA KDEBWM					
PBT	KAMPUNG TRADISI	KILANG	PEMBERSIHAN KG TRADISI	JALAN PERSIARAN	LONGKANG MONSUN	TAMAN PERMAINAN	CANTASAN POKOK
MPK	/	Sampah Domestik Industri Kecil	X	X	X	X	X
MPAJ	TIADA KG TRADISI	/	TIADA KG TRADISI	/	X	/	X
MPS	/	/	/	/	X	X	X
MPKL	X	/	X	X	X	/	X
MPKJ	/	/	X	/	X	/	X
MBPJ	TIADA KG TRADISI	X	TIADA KG TRADISI	/	/	X	X
MDHS	/	X	X	/	/	/	X
MPSP	/	/	X	/	X	/	X
MDSB	/	X	X	/	/	/	X
MBSJ	/	/	X	X	X	X	X
MPKS	/	X	X	X	X	X	X
MBSA	/	X	X	X	X	X	X

PEMBERSIHAN AWAM												
PBT	PUKAL						RUMPUT					
	JALAN			LONGKANG			PERUMAHAN			OMERSIAERSIARAKAMPUNGNSUN DR		
	PERUMAHAN	KOMERSIAL	STRATA	PERUMAHAN	OMERSIAERSIARAKAMPUNG	PERUMAHAN	OMERSIAERSIARAKAMPUNG	NSUN DR	PERUMAHAN	OMERSIAERSIARAKAMPUNGNSUN DR	TAMAN HARAM	ALAN JKNGKANG JPS
STATUS	STATUS	STATUS	STATUS	STATUS	STATUS	STATUS	STATUS	STATUS	STATUS	STATUS	STATUS	STATUS
MPK	/	/	/	/	X	/	/	X	/	/	/	/
MPAJ	/	/	/	/	/	/	/	X	/	/	/	/
MPS	/	/	/	/	/	/	/	X	/	/	X	X
MPKL	/	/	/	/	X	/	/	X	/	/	X	/
MPKJ	/	/	/	/	X	/	/	X	/	/	X	X
MBPJ	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	X	X
MDHS	/	/	X	/	X	/	/	X	/	/	X	/
MPSP	/	/	/	/	X	/	/	X	/	/	X	/
DSDB	/	/	X	/	X	/	/	X	/	/	X	/
MPSJ	/	/	SEBAHAGIAN	/	X	/	/	X	/	/	X	/
MDKS	/	/	/	X	/	/	/	SEBAHAGIAN	/	/	SEBAHAGIAN	/
MBSA	/	/	X	/	X	/	/	X	/	/	X	/